SK SRI LAKSAMANA, 78300 MASJID TANAH, MELAKA
MBB0044
Email : mbb0044@1bestarinet.yes.my
Tel : 06-3841366 Faks : 06-3844009

| NAMA | | TAHUN | |
|---|---|---|---|

# Pentaksiran Pendidikan Muzik Tahun 6

**Jawab semua soalan.**
**Pilih jawapan yang betul bagi soalan berikut (40 Markah)**

**Rujuk Rajah 1 bagi soalan 1 hingga 4.**



*Rajah 1*

1. Berapakah bar yang ada pada rajah 1?

A 1
B 2
C 3
D 4

2. Maksud meter 2 - 4 di atas menunjukkan bahawa

A lagu ini hanya selama 2 minit
B lagu ini hanya mempunyai 2 saat setiap baluk
C lagu ini hanya mempunyai 2 detik setiap bar
D lagu ini mesti dihentikan pada bar yang kedua

3. Garis bar ialah

A ruang di antara 2 garis bar
B Garis tegak yang dilukis merentangi baluk berdasarkan tanda masa dalam penulisan muzik
C 5 garis selari dan 4 ruang kosong
D dua garis tegak di penghujung sesuatu irama atau lagu

LIVEWORKSHEETS

4. Garis bar (penamat) ialah

A ruang di antara 2 garis bar
B Garis tegak yang dilukis merentangi baluk berdasarkan tanda masa dalam penulisan muzik
C 5 garis selari dan 4 ruang kosong
D dua garis tegak di penghujung sesuatu irama atau lagu

5. Apakah tujuan sesebuah pergerakan dibuat sewaktu apa-apa persembahan muzik dilakukan?

A Untuk menggambarkan perasaan lagu
B Untuk menggambarkan rupa lagu
C Untuk menggambarkan sifat komposer lagu
D Untuk menggambarkan dinamik dan tempo lagu

6. Antara berikut, yang manakah bukan bentuk pergerakan dalam muzik?

A Berjalan
B 'Twist'
C Seret
D Berbasikal

7. Pilih arah pergerakan yang betul dalam persembahan muzik.

A Ke hadapan
B Ke atas
C Ke bawah
D Ke Tenggara

8. Lagu-lagu berikut sesuai untuk melakukan pergerakan yang rancak, kecuali:

A Nasyid
B Rock
C Jazz
D pop

9. 

Lambang ini dikenali sebagai ______________ .

A Tie
B Slur
C Fermata
D Common Time

LIVEWORKSHEETS

Soalan 10 adalah berdasarkan rajah 2 di bawah.




*Rajah 2*

10. Apakah maksud tie bagi not di atas?

A Bunyi dimainkan secara berbeza not.
B Bunyi dimainkan dengan putus-putus.
C Bunyi dipanjangkan mengikut keinginan pemuzik.
D Bunyi dimainkan secara sama not dan dicampur jumlah masa.

Nyatakan nilai bagi gabungan not berikut

11.



| | |
|---|---|
| A 5 | C 3 1/2 |
| B 6 | D 4 1/2 |

12. Antara alatan muzik tradisional berikut, yang manakah menjadi alat muzik utama bagi muzik irama Dondang Sayang?

| | |
|---|---|
| A Biola | C Gendang ibu |
| B Gambus | D Gendang Anak |

13. Apakah tujuan muzik dimainkan pada zaman dahulu?

| | |
|---|---|
| A Sebagai penyampai berita | C Sebagai amalan harian |
| B Sebagai bentuk hiburan | D Mengiringi kematian orang Islam |

14. Rodat dan Ulik Mayang ialah muzik tradisional bagi penduduk Terengganu. Apakah muzik tradisional bagi penduduk Johor?

| | |
|---|---|
| A Boria | C Ghazal |
| B Dikir Barat | D Tarian Ngajat |

LIVEWORKSHEETS

Soalan 15 - 18 adalah berdasarkan rajah di bawah.



*Rajah 3: Sejenis Irama Tradisional Dari Melaka*

15. Apakah nama irama lagu yang ditunjukkan di atas?

A Caklempong
B Wayang Kulit
C Dondang Sayang
D Tarian Sumazau

16. Apakah nama alat yang dapat anda lihat di atas?

A Gong
B Serunai
C Kongga
D Darbuka

17. Antara alatan yang dinyatakan di bawah, yang manakah bukan terdiri dari kumpulan yang sama dengan alat muzik pada Rajah 3?

A Gambus
B Trompet
C Gendang Ibu
D Gendang Anak

18. Muzik ini biasanya dimainkan sewaktu majlis-majlis _______________ kaum Melayu.

A kematian
B perkahwinan
C graduasi
D pindah rumah

19. Antara berikut, yang manakah bukan dari kategori alat muzik moden?

A Gitar
B Piano
C Kibod
D Nafiri

LIVEWORKSHEETS



*Rajah 4*

**20. Alat muzik pada rajah 4 di atas dimainkan dengan menggunakan ___________ tangan.**

**A** sebelah

**B** sebelah atau kedua-dua belah

**C** kedua-dua belah

**D** gesekan jari dan kedua-dua belah

**Soalan Tamat, Semoga Beroleh Kejayaan.**

By:NKMN21

LIVEWORKSHEETS